

THE
TITAN



OBSESS COSMETICS

BUAT PENCINTA MEKAP OBSES

Industry View
OPR: BERI
KESAN
TERHADAP
DOMPET
DAN AKAUN
BANK KITA?

RICHWORKS™

Di Sini Lahirnya
Usahawan Jutawan

2 OKTOBER 2022 | BIL: 27
www.richworks.com



MAHU KAUM HAWA CANTIK BERSAMA

Pencinta sejati dunia kecantikan pastinya kenal dengan jenama solekan terkenal negara, Obsess Cosmetics.

Ditubuhkan sekitar enam tahun lalu iaitu pada 2016, Hafizatul Atikah Mohd Fauzi atau Atikah kini boleh berbangga dengan kejayaan yang dikecapi apabila produk keluarannya semakin mendapat tempat di hati peminat dari hari ke hari.

Memulakan kerjaya sebagai pegawai bank selepas menamatkan pengajian di Universiti Islam Antarabangsa (UIA), Atikah kemudian mengambil keputusan untuk berhenti dan menjadi jurusolek sepenuh masa.

“Oleh kerana saya suka lihat orang jadi cantik, maka di situlah tercetusnya idea penciptaan Obsess Cosmetics ini.

“Warna ungu menjadi pilihan warna tema kerana ia sangat comel dan namanya juga dipilih agar orang boleh teringat-ingat, terasa ‘obses’ dengan produk kami,” jelasnya.

Tambah Atikah, dunia kecantikan memang sebatи dengan dirinya sejak dari dulu lagi.

Menjadi jurusolek memang menyeronokkan kerana waktunya yang fleksibel namun beliau juga ingin mencari suatu jaminan dalam dunia perniagaan.

Beliau juga mempunyai misi ingin membantu para wanita menjadi lebih yakin di samping dapat menjana pendapatan bagi meningkatkan ekonomi keluarga.

“Berbekalkan modal yang ada hasil simpanan sebagai jurusolek bersama modal daripada suami, Muhamad Syahmi, kami berjaya



mengeluarkan lip matte dan 500 set cushion foundation pada waktu itu.

“Perancangan asalnya adalah untuk mengeluarkan lip matte sebagai produk pertama. Tambahan pula pada saat itu tidak banyak lagi produk lip matte di Malaysia.

“Kami hanya bermula di rumah sahaja ketika itu. Saya masih ingat lagi ada lima kotak di letak di tepi tangga rumah. Ada juga yang diletak di rumah ibu mertua. Semuanya kami buat sendiri daripada pembungkusan, penghantaran dan sebagainya,” katanya.

LARIS BAK GORENG PISANG PANAS

Memberanikan diri membuat video, strategi itu ternyata berkesan buat perniagaannya apabila mereka mula meraih pelanggan.

“Apabila kami berkongsikan testimoni, demand akan meningkat. Bila ramai bagi reaksi positif, dari situ kita mulai tambah pengeluaran.

“Alhamdulillah, semua cushion foundation kami terjual dalam empat hari sahaja manakala lip matte pula habis terjual dalam masa singkat,” ujarnya.

Di samping itu, status sebagai pempengaruhi di media sosial dimanfaatkan sebaiknya oleh beliau apabila mempunyai ratusan ribu pengikut di laman Instagram.

“Bagi saya, ia memang menjadi suatu kelebihan untuk saya melakukan personal branding sekali gus menjimatkan kos.

“Oleh itu, saya haruslah sentiasa menonjolkan diri dengan menghasilkan video dan kandungan berkualiti agar sentiasa tampak relevan di media sosial,” katanya.



“**MEMANG BANYAK PERUBAHAN YANG KAMI DAPAT LIHAT SELEPAS DIBIMBING MENTOR IAITU DATUK WIRA DR. AZIZAN OSMAN. KITA NAK KEMBANGKAN BISNES, TAPI KALAU TAK MELABUR UNTUK BELAJAR, ITU YANG JUALAN JADI STUCK SEOLAH-OLAH ADA PENGHADANG DI HADAPANNYA.”**

MODAL RATUSAN RIBU RINGGIT LEBUR

Berbicara mengenai cabaran dunia bisnes, Atikah tidak menafikan kewujudannya apatah lagi di saat perniagaan sedang berkembang.

“Kami pernah ditipu dengan kilang sebanyak RM60,000 di saat perniagaan baru nak naik. Itu sahajalah wang yang kami ada pada waktu itu.

“Walaupun begitu, kami tidak putus asa dan tetap teruskannya. Saya juga sangat beruntung kerana sokongan padu daripada suami pada saat itu memang sangat membantu.

“Selain itu, pihak production juga pernah gagal menghasilkan produk kami. Takkanlah kita hendak berikan yang tidak elok kepada pelanggan. Oleh itu, kami lopuskan saja semuanya. RM400,000 burn begitu sahaja,” luahnya mengenangkan kenangan pahit suatu ketika dahulu.

Luahnya lagi, bukan mudah untuk naikkan jenama tempatan biarpun sudah enam tahun berada di pasaran.

“Ejen keluar masuk, orang cap ejen hanya mengayakan orang atas, founder produk timbang kilo dan macam-macam lagilah kecaman yang diberikan. Tohmahan yang dilemparkan dahulu lebih tough berbanding sekarang.

“Memang sukar namun kami tetap berusaha untuk meningkatkan pemasaran dan juga kepercayaan para pelanggan. Sebab itulah kita ada sijil Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), halal dan juga lab test bagi meyakinkan pelanggan bahawa produk kita terbukti selamat.

“Ujian memang membuatkan kita penat. Namun, bila rasa nak mengalah, niatlah kerana Allah. Ingat nak memberi manfaat yang lebih kepada orang lain. Selepas itu, insyaAllah semangat jadi kuat,” kata ibu kepada dua orang anak ini.



JALAN PINTAS MENUJU KEJAYAAN

Teruja dengan perkembangan bisnes, beliau dan suami bagaimanapun merasakan seolah-olah ada tembok yang membuatkan perniagaan mereka berada di tahap yang sama.

Mahu berkembang dengan lebih lagi, mereka mengambil keputusan untuk menyertai program Intensif Magnet Kekayaan & Kejayaan (IMKK) anjuran Richworks pada 2018.

Kini berada dalam program mentoring Richworks iaitu Titanium sejak 2021, beliau akui banyak ilmu yang ditimba membantu perniagaan beliau untuk terus berkembang lebih pesat lagi.

"Memang banyak perubahan yang kami dapat

JERANTUT - Obsess Cosmetics telah melancarkan satu program sebagai tanggungjawab sosial korporat (CSR) mereka iaitu Program Jom Kembali Ke Sekolah untuk membantuk keluarga dan anak-anak yatim yang kurang berkemampuan di daerah Jerantut, Pahang.

Pengasas Obsess Cosmetics, Hafizan Atikah Mohd Faizi berkata, program tersebut bertujuan untuk membantu serta berkontribusi rezeki bersama keluarga dan anak-anak agar mendapatkan keperluan barang dan perlatan sekolah untuk tahun hadapan.

Program yang dilancarkan bersama

suaminya, Shahmy Mashor menceriakan 200 kanak-kanak yang belajar di sekolah rendah di sekitar Jerantut.

Masing-masing menerima sumbangan berbentuk kelengkapan sekolah seperti sepasang baju, beg kasut, stoking, tudung dan anak tudung.

"Kami menerima senarai nama pelajar daripada pihak sekolah, ibu bapa, jabatan Kebajikan Masyarakat termasuk yang kami cari sendiri," kata Hafizan Atikah.

Beliau yang telah memulakan perniagaan kosmetik sejak tiga tahun lepas berbangga untuk mengembangkan lagi perniagaan ke seluruh Malaysia dan luar negara.

lihat selepas dibimbing
mentor iaitu Datuk Wira Dr. Azizan Osman. Kita nak kembangkan bisnes, tapi kalau tak melabur untuk belajar, itu yang jualan jadi stuck seolah-olah ada penghadang di hadapannya.

"Jika tiada guru, kita terpaksa langgar dinding banyak kali. Benar, pengalaman itu membantu. Tapi, apa salahnya kalau sudah ada jalan yang betul bukan? Tak perlulah kita ulangi kesilapan yang sama lagi. Jadi, jalan yang cepat adalah dengan adanya ilmu dan juga guru.

"Bukan itu sahaja, seorang mentor juga akan menarik kita daripada terus jatuh dan memberi panduan hala tuju dalam dunia bisnes yang diceburi. Selain itu, Circle Titan juga sangat membantu di saat kita tidak ada tempat untuk mengadu," jelasnya.

PENCAPAIAN

Sememangnya terlalu panjang senarai jika hendak dicatitkan segala kejayaan yang telah diraih sepanjang mengasaskan Obsess Cosmetics.

Antara anugerah yang telah diraih beliau adalah Anugerah Personaliti Industri & Usahawan, Anugerah Usahawan Muda Perusahaan Kecil (2018), Nona Best Emerging Entrepreneur Award, Anugerah Kepimpinan Industri Perniagaan Baru Kosmetik, Brand of The Year dan lain-lain lagi.

Bermula sendiri dengan bantuan suami sebelum mengambil dua staf, kini beliau sudah mempunyai 17 staf yang berkhidmat untuk syarikatnya.


"Jika dahulu kami mempunyai beratus ejen sahaja. Itu pun dah rasa sangat banyak. Alhamdulillah, kini Obsess Cosmetics sudah mempunyai lebih kurang 17,000 ejen di seluruh negara.

"Kami juga bersyukur kerana dapat menaja ibu bapa menunaikan haji, beli kereta buat mereka dan lain-lain lagi. Jika dahulu tak mampu namun kini kami boleh berkongsi kesenangan bersama mereka.

"Bukan itu sahaja, kami juga turut teruja melihat perkembangan staf yang kini sudah mampu membeli rumah dan macam-macam lagi. InsyaAllah, kami mahu bantu dan buka peluang buat ramai lagi di luar sana untuk berkembang bersama," kongsinya.

Mensasarkan jualan sebanyak RM15 juta pada tahun ini, beliau berharap agar jenama syarikatnya dapat menembusi pasaran global selepas berjaya menembusi pasaran Brunei dan Singapura.

Untuk maklumat lanjut tentang produk Obsess Cosmetics, layari laman Instagram @hafizatulatikah.



PERTAMA, habiskan apa yang dilakukan.

"Kalau buat sesuatu itu jangan separuh-separuh. Habiskan jika sudah bermula. Orang yang berjaya tidak akan berhenti setengah jalan sahaja," kata Atikah.

KEDUA, berani besarkan impian.

"Berani untuk berimpian besar dan mengejarnya. Itulah perbezaan kita dengan orang lain," ujarnya.

KETIGA, jangan pernah putus asa.

"Perkataan putus asa itu tidak sepatutnya wujud dalam kamus hidup anda. Kita tidak akan gagal selagi tidak putus asa. Selagi itulah kita boleh menghadapi segala rintangan yang ada dengan azam dan usaha yang kuat," jelasnya.

KEEMPAT, ikhlas ketika berniaga.

"Niat kena ikhlas dan betul, bukan semata-mata untuk kekayaan diri. Kita berniaga sebab nak bantu orang sekeliling dan juga ummah. Tidak perlu tamak. Apabila kita berkongsi, rezeki akan mengalir deras dan satu per satu jalan yang tutup akan terbuka," kongsi Atikah sebelum menutup bicara. 



NASIHAT ATIKAH



OPR

**BERI KESAN TERHADAP DOMPET
DAN AKAUN BANK KITA?**

B

ank Negara Malaysia (BNM) pada 8 September menaikkan Kadar Dasar Semalam (OPR) sebanyak 25 mata asas menjadikan kadarnya ketika ini adalah 2.50 peratus.

Kenaikan itu adalah kali ketiga untuk 2022 dan sebelum ini, OPR dikekalkan pada paras terendah dalam sejarah iaitu pada 1.75 peratus selama hampir dua tahun (Julai 2020 hingga Mei lalu).

APA ITU OPR?

OPR mewakili kadar faedah minimum yang dikenakan di kalangan bank untuk pinjaman antara bank dan ia ditetapkan oleh BNM.

Ia antara alat yang digunakan bank pusat ini untuk menggubal dasar kewangan bagi mengawal bekalan wang negara dan mempengaruhi hala tuju ekonomi.

Sejak 2011 hingga 2019, OPR berkadar antara 2.75 peratus kepada 3.25 peratus.

Namun bermula 2020, BNM mula menurunkan kadar itu di tengah wabak Covid-19 yang menjelaskan ekonomi global.

BNM berkata pengurangan OPR sebelum ini kepada 1.75 peratus. Kadar itu merupakan terendah dalam sejarah.

Tujuannya adalah untuk menyokong ekonomi akibat wabak Covid-19 yang melanda.

Pengurangan itu membolehkan pinjaman yang lebih murah agar perniagaan mampu membuat bayaran untuk mengekalkan perniagaan mereka.

Ia juga membantu perniagaan yang bermasalah dengan mengurangkan kadar pembayaran pinjaman mereka.

Namun dengan ekonomi domestik kian stabil, BNM memutuskan untuk mengurangkan sokongan ini.

KESAN PINJAMAN PERUMAHAN

Namun, tahukah anda apakah kesan peningkatan OPR terhadap pinjaman perumahan di negara ini?

Untuk makluman, OPR mempengaruhi Kadar Asas Standard (SBR), Kadar Asas (BR) dan Kadar Pinjaman Asas (BLR) sesebuah bank, di mana SBR, BR dan BLR biasanya berkurangan atau meningkat mengikut turun naik OPR.

Dengan peningkatan OPR, semua bank di Malaysia akan menyemak (menaikkan) kadar faedah masing-masing, sekali gus menjadikan produk pinjaman perumahan lebih mahal.

Secara ringkasnya, OPR yang lebih tinggi akan menyebabkan pembayaran ansuran bulanan yang lebih tinggi.

Ini kerana, setiap kali OPR meningkat, bank akan memberikan kos pinjaman yang lebih tinggi dalam bentuk kadar faedah yang lebih tinggi kepada pengguna, seterusnya meningkatkan jumlah bayaran ansuran bulanan.

Contohnya, peningkatan sebanyak 0.25 peratus dalam OPR untuk pinjaman perumahan berharga RM500,000 dengan tempoh 30 tahun berkemungkinan akan meningkatkan bayaran ansuran bulanan sebanyak RM71.

Ini bermakna peminjam perlu membayar tambahan RM25,560 untuk pembayaran faedah dalam tempoh 30 tahun itu.

MEMBEBANKAN B40 DAN M40

Penganalisis Ekonomi Universiti Kuala Lumpur (UniKL) Business School, Profesor Madya Dr Aimi Zulhazmi Abdul Rashid sebelum ini berkata,

“GOLONGAN B40 MUNGKIN MENGHADAPI KESULITAN LEBIH UNTUK MEMBUAT PINJAMAN BAHARU SAMA ADA MEMBELI RUMAH, KERETA, PINJAMAN PERIBADI DAN SEBAGAINYA KERANA BAYARAN BULANAN AKAN DIKIRAKAN PADA KADAR TERBARU IAITU LEBIH TINGGI MENGIKUT KENAIKAN OPR.”



kenaikan OPR dilihat bukan saja memberi kesan kepada peminjam bank di Malaysia, malah menyukarkan golongan B40 untuk membuat pinjaman baharu.

Katanya, ia merangkumi kedua-dua pinjaman Islamik dan konvensional di mana kadar pinjaman perumahan juga diapungkan.

“Untuk pinjaman pada kadar tetap seperti kereta, motosikal, peribadi dan kad kredit yang sudah sedia ada, tidak memberi kesan terhadap bayaran bulanan, tetapi untuk pinjaman baharu kadar pinjaman tetap yang lebih tinggi akan dikenakan kepada peminjam.

“Bagi golongan B40 pula, mereka tidak mempunyai pinjaman yang banyak pada kadar apungan kerana bank mengenakan kadar faedah

tetap yang mungkin lebih tinggi daripada golongan lain kerana risikonya juga tinggi.

“Namun begitu, golongan B40 mungkin menghadapi kesulitan lebih untuk membuat pinjaman baharu sama ada membeli rumah, kereta, pinjaman peribadi dan sebagainya kerana bayaran bulanan akan dikirakan pada kadar terbaru iaitu lebih tinggi mengikut kenaikan OPR,” katanya.

Dalam pada itu, berdasarkan kenaikan harga barang keperluan sekarang, golongan B40 dilihat lebih sukar dan mencabar untuk membuat pinjaman baharu sama ada mereka merancang membeli rumah atau motokar.

Justeru, hasrat membeli rumah mungkin perlu dipendamkan terlebih dahulu sehingga



pendapatan mereka naik ke aras lebih selesa.

Kenaikan OPR itu dilihat turut membebankan golongan M40 kerana kebanyakannya mengambil pinjaman perumahan yang memakai kadar faedah diapungkan.

Disebabkan harga rumah yang mahal dan terus naik dengan lebih cepat berbanding kenaikan gaji, maka golongan M40 lebih terkesan dengan kenaikan OPR.

KESAN KEPADA USAHAWAN PKS

Menurut Presiden Dewan Perdagangan Digital Malaysia, Chris Daniel Wong yang ditemubual oleh Astro Awani apabila kadar faedah naik, memaksa kos dalam perniagaan akan lebih meningkat.

“Apabila kos perniagaan meningkat akan beralih kepada pengguna.

“Jadi secara langsung harga barang-barang dan makanan akan naik kerana peniaga terpaksa menanggung kadar beban faedah yang tinggi,” jelasnya.

Mengulas perkara sama, pakar ekonomi Yeah Kim Leng berkata memandangkan kenaikan kadar faedah hanya sedikit, faktor kos lain seperti gaji, bahan mentah, pengangkutan dan kemudahan akan memberikan pengaruh lebih besar terhadap harga barang pengguna.

Pada masa sama, peniaga kecil mungkin cuba mengalihkan kos peribadi kepada pelanggannya.

Jika seorang pemilik kopitiam kini perlu membayar lebih untuk pinjaman perniagaannya, dia mungkin berhasrat untuk menaikkan sedikit harga untuk menampung perkara itu, selagi pelanggan mampu menanggungnya.

Sementara itu, Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan Universiti Kewangan Islam Global (Inceif), Prof. Madya Dr. Baharom Abdul Hamid berkata, institusi perbankan boleh memainkan peranan bagi mengatasi kesan limpahan daripada kenaikan OPR itu.

"Institusi perbankan boleh memainkan peranan tambah nilai dengan mengecualikan peminjam sedia ada seperti PKS dan golongan B40 dari kenaikan faedah itu dan hanya mengenakan faedah kepada peminjam baharu," katanya.

BERHEMAH URUS KEWANGAN

Pakar-pakar ekonomi berpandangan kenaikan OPR di negara ini memberi gambaran bahawa rakyat perlu berhemah dalam pengurusan kewangan masing-masing.

Penganalisis Ekonomi Pusat Pendidikan Kewangan Islam Antarabangsa (INCEIF), Profesor Madya Dr Baharom Abdul Hamid berkata, pengurusan kewangan berhemah itu termasuk hanya membeli barang yang perlu, tidak membuat pinjaman atau pembiayaan baharu dan tidak membeli barang import.

Ini kerana katanya, dalam keadaan ekonomi yang mencabar ini semua pihak perlu tahu membezakan antara keperluan dan kehendak.

"Utamakan perbelanjaan berhemah ini maksudnya orang ramai hanya perlu membuat pembelian terhadap barang yang perlu. Tidak membeli barang berjenama atau mewah.

"Paling utama, dalam tempoh ini juga rakyat tidak membuat pinjaman atau menambah pembiayaan baharu atau dalam erti kata lain beli kereta yang mampu dibayar atau beli rumah untuk didiami bukan tujuan untuk pelaburan tambahan dan sebagainya," katanya memetik laporan Sinar Harian.

Mengulas lanjut, Baharom berkata, rakyat juga perlu sedar bahawa OPR dinaikkan atau polisi penguncutan dibuat bagi mengawal kenaikan harga barang daripada terus melambung.

"Orang ni kadang-kadang dia silap mengatakan BNM menaikkan kadar faedah ini menyusahkan tetapi sebenarnya mereka menaikkan OPR itu demi untuk memperlakukan kenaikan harga barang atau memberhentikan kenaikan harga barang," ujarnya.

BERDISIPLIN BERBELANJA

Pandangan sama turut dikongsi Pensyarah Kanan Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Dr Mohd Faisol bahawa rakyat perlu berdisiplin dalam berbelanja serta menguruskan kewangan ketika ini.

Ini kerana katanya, peningkatan OPR berulang-kali dalam tempoh yang singkat juga akan memberi kesan buruk kepada rakyat.

"Walaupun peningkatan kadar OPR ini bertujuan untuk mengawal kadar inflasi yang semakin meningkat namun ia memberi mesej sangat jelas kepada rakyat khususnya B40 agar mereka perlu bersedia dengan sebarang kemungkinan yang akan memberi impak perubahan dalam perbelanjaan isi rumah.

"Selain itu ia juga memberi mesej kepada rakyat agar mereka perlu menguruskan kewangan diri dan keluarga secara berhemah dan bersederhana.

"Ini kerana kenaikan OPR akan menyebabkan bayaran bulanan kereta, bayaran rumah, pembiayaan peribadi dan beberapa lagi produk bank mengalami kenaikan kadar bayaran berbanding sebelum ini.

"Dalam situasi ini juga rakyat dinasihatkan lebih bijak membuat pilihan," jelasnya. ●

**Business
Evaluation
Success
Transformation**

best



SETIAP SABTU | 10 pagi – 12 tengahari



**KITA SEDANG BERDEPAN EKONOMI KRISIS GLOBAL!
Adakah ANDA sebagai Usahawan
TAHU NAK BUAT APA dengan
Bisnes anda sekarang?**

richworks.com/best

Lokasi: Pejabat RichWorks, RichQ, Shah Alam



RICHWORKS™
ACCELERATING YOUR BUSINESS SUCCESS

10X BINA BISNES BERJAYA 2022

28 - 30 OKTOBER 2022
SETIA CITY CONVENTION CENTRE (SCCC)

TEMPAT TERHAD!

Perkuatkan bisnes ANDA
mendepani cabaran masa ini.

Jadi bangsa usahawan yang lebih
bersedia dengan ilmu & strategi
proven success melalui program
keusahawanan RichWorks.



DAFTAR dengan
imbas kod QR tertera atau
www.binabisnesberjaya.com
sekarang!



E-MAGAZINE
UNTUK
BANGSA
USAHAWAN

RICHWORKS™
THE TITAN

PENAFIAN : NASIHAT YANG DIBERIKAN DALAM MAJALAH INI MERUPAKAN NASIHAT SECARA AM. IA DISEDIAKAN TANPA MENGAMBIL KIRA OBJKTIF, SITUASI KEWANGAN ATAU KEPERLUAN ANDA. SEBELUM MELAKUKAN TINDAKAN, ANDA PERLU MENILAI KESESUAIAN NASIHAT DIBERIKAN MENGIKUT SITUASI & KEPERLUAN MASING-MASING.